

BANTERAS HABIS-HABISAN

» Ibu bapa dan **pihak berkuasa perlu bekerjasama** tangani gejala Money Boy

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Serdang

Kerjasama masyarakat khususnya ibu bapa dituntut bagi membantu pihak berkuasa membanteras gejala sosial, Money Boy yang melanda generasi muda khususnya remaja hari ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran (**gambar**), berkata usaha itu penting memandangkan gejala berkenaan semakin menular dan menjadi trend dalam kalangan remaja lelaki yang ghairah mengejar kemewahan hidup dengan



menawarkan pelbagai perkhidmatan, terutama seks.

Beliau yang juga Profesor Fakulti Ekologi Manusia, UPM berkata, majoriti Money Boy terdiri daripada pelajar sekolah, universiti awam dan institusi pengajian tinggi (IPT) swasta yang tinggal di sekitar bandar besar terdorong mendapatkan wang dengan cara mudah.

● V2

Gejala dibimbangi lebih parah, sukar dikawal

● Dari muka 1

"Kita bimbang dengan sikap segelintir masyarakat yang mengambil pendekatan 'tidak kisah' terhadap gejala negatif ini, malah menganggapnya ia hanya isu atau kes kecil.

"Hakikatnya, ia (Money Boy) perlu dibanteras habis-habisan kerana dibimbangi akan menjadi lebih parah dan sukar dikawal seperti gejala sosial lain seperti dadah dan mat rempit," katanya ketika ditemui *Varsity* selepas menyampaikan syarahan inaugural bertajuk 'Money Boy: Masalah Sosial Era Generasi Y', di UPM, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramelan.

Kajian yang dijalankannya ke atas 30 responden yang terdiri daripada Money Boy pada tahun 2010 hingga tahun 2012 di sekitar Lembah Klang mendapati, rata-rata daripada mereka berusia antara 15 hingga 30 tahun.

Majoriti daripada responden ingin mencari kemewahan dengan menawarkan perkhidmatan seks, namun bukan untuk tujuan nafsu, sebaliknya duit dan mereka tidak kesal malah gembira dengan 'aktiviti' yang dilakukan.

Prof Mohammad Shatar berkata, gejala ini sukar dikesan atau dikenal pasti memandangkan ia dilakukan menerusi 'jalan

belakang' menyebabkan masyarakat umum tidak menyedarinya kerana mereka kelihatan sama seperti remaja lain.

Sekolah agama

Katanya, latar belakang keluarga dan ajaran agama bukanlah faktor utama mengapa mereka terjebak dalam masalah sosial itu kerana terdapat sebahagian mereka yang bersekolah agama sejak di sekolah rendah.

"Golongan ini menggunakan teknologi maklumat bagi tujuan pengiklanan seperti facebook, twitter, blog dan contengen di tandas awam selain iklan akhbar dengan taktik penawaran khidmat urut khas untuk lelaki.

"Mereka mampu meraih sekitar RM5,000 sebulan dan

jumlah itu belum termasuk habuan lain seperti kereta, telefon bimbit dan percutian di dalam serta luar negara," katanya.

Mengulas lanjut, Prof Mohammad Shatar berkata, kriteria Money Boy ialah mereka mempunyai rupa dan bentuk badan sasa serta metroseksual, malah ada yang mampu menguasai bahasa Inggeris untuk mendapatkan pendapatan lumayan daripada pelanggan asing.

Berbeza dengan gay, katanya, 'Money Boy' akan melayan pelanggannya mengikut 'perjanjian' yang dibuat dan servis mereka lebih berorientasikan duit, malah kadangkala mereka turut melayan pelanggan perempuan.



MEREKA MAMPU MERAIH SEKITAR RM5,000 SEBULAN DAN JUMLAH ITU BELUM TERMASUK HABUAN LAIN SEPERTI KERETA, TELEFON BIMBIT DAN PERCUTIAN"

Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabrani,
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar
dan Alumni) UPM